



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
(ICU JPM)



KENYATAAN MEDIA UNTUK SIARAN SEGERA

PROGRAM DIDIK KASIH - KASIH SISWA TAHUN 2022 BANTU LAHIR GRADUAN KOMPETEN DALAM PELBAGAI BIDANG

Kuala Lumpur, 15 Disember 2022 – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menjalinkan kerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) menerusi Program Didik Kasih (dKasih) – Kasih Siswa Tahun 2022. Program ini memfokuskan pemberian bantuan pendidikan dan latihan kemahiran kepada isi rumah eKasih untuk melahirkan graduan yang kompeten dalam pelbagai bidang.

Program kerjasama ini menyasarkan penerima seramai 220 orang pelajar terdiri daripada isi rumah yang berdaftar dalam Sistem eKasih. Program ini merupakan salah satu inisiatif kesejahteraan rakyat yang dilaksanakan oleh ICU JPM melalui Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BSR) dengan penglibatan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) di seluruh negara. ICU JPM turut membuat semakan silang data eKasih dengan data pelajar yang berdaftar bersama Unit Pusat Universiti (UPU), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Melalui program ini, PTPTN telah memperuntukkan zakat PTPTN berjumlah **RM220,000** kepada **220 orang** pelajar asnaf berstatus Miskin Tegar dan Miskin eKasih di seluruh negara. Setiap pelajar yang layak akan menerima sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime bernilai **RM1,000**. Sumbangan tunai berjumlah RM300 juga akan diberikan kepada pelajar oleh pihak ICU JPM. Majlis simbolik penyampaian sumbangan telah diadakan pada 15 Disember 2022 bertempat di ICU JPM yang disampaikan oleh YBrs. Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN kepada YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Pengarah ICU JPM. Turut hadir semasa majlis penyampaian adalah YBrs. Tuan Haji Abdul Halim bin Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah

(Sektor Pembangunan Strategik) ICU JPM dan YBrS. Puan Mastura binti Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN.

Menurut Ketua Eksekutif PTPTN, YBrS. Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid, “PTPTN menyambut baik jalinan kerjasama di antara PTPTN dan ICU JPM dalam usaha membantu kerajaan melaksanakan inisiatif kesejahteraan rakyat. Inisiatif ini menunjukkan keprihatinan kerajaan yang cakna dengan keperluan pembelajaran terutamanya terhadap golongan miskin bagi membentuk generasi yang berdaya saing di masa hadapan. Saya berharap dengan sumbangan ini dapat membantu meringankan beban kewangan keluarga terbabit untuk menampung kos pengajian di IPT dan secara tidak langsung dapat memupuk sikap menabung untuk kegunaan masa hadapan.”

PTPTN sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha membantu para pelajar dalam pelbagai bentuk bantuan. Diharapkan melalui sumbangan ini, dapat menjadi pelengkap kepada proses pembelajaran yang lebih selesa di IPT dan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin serta menjadi pendorong kepada mahasiswa untuk belajar bersungguh-sungguh demi kelangsungan hidup yang lebih baik.

Sebarang maklumat lanjut, hubungi:

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

- i. Puan Hasliza binti Abdul Latiff (hasliza@ptptn.gov.my / 019 - 354 2388)
- ii. Cik Noor Asila binti Mohd Noor (asila@ptptn.gov.my / 012 - 596 3437)